

# ICA KL 2017 pentas idea Malaysia

Pengiktirafan antarabangsa terhadap Angkasa

MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS

PETALING JAYA - Penganjuran Perhimpunan Agung dan Konvensyen Sedunia International Cooperative Association Kuala Lumpur 2017 (ICA KL 2017), persidangan koperasi terbesar dunia, yang bakal berlangsung pada 14 hingga 17 November ini, di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid, merupakan satu pengiktirafan besar terhadap badan koperasi Malaysia, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa).

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, ini kali pertama badan tersebut menganjurkan perhimpunan dunia itu, dengan persidangan kali pertama diadakan di Antalya, Turki pada 2015.

"Kita perlu rasa bertuah kerana dapat anjurkan ICA KL 2017. Ia bukannya satu perkara mudah. Untuk menjadi tuan rumah kepada perhimpunan agung tersebut, Malaysia perlu bersaing dengan tiga negara lain, New Zealand, Iran dan Australia.

"Alhamdulillah, ahli lembaga ICA telah beri kepercayaan kepada Angkasa iaitu dengan mengundi Malaysia untuk menjadi tuan rumah perhimpunan agung itu, pada minggu hadapan," katanya dalam satu temubual eksklusif bersama *Sinar Harian*, di Ibu Pejabat Angkasa, semalam.

Untuk menjadi tuan rumah kepada perhimpunan agung tersebut, sesebuah negara perlu menunggu beberapa tahun lamanya untuk menjadi tuan rumah kerana badan antarabangsa terbabit mahu memberi peluang kepada semua negara di semua benua untuk menjadi tuan rumah.



Abdul Fattah (kanan) ketika ditemu bual secara eksklusif oleh *Sinar Harian* mengenai pencapaian Angkasa, semalam.



Abdul Fattah menunjukkan beberapa produk makanan dan minuman bakal diketengahkan pada Maccops 2017.

## Idea koperasi sekolah, pembiayaan syariah

Beliau berkata, tujuan ICA KL 2017 diadakan bagi membincangkan isu berkait rapat dengan pembangunan dan hala tuju badan koperasi global.

"Ia peluang baik bagi membawa suara serta memperkenalkan kelebihan gerakan koperasi di Malaysia ke peringkat global. Misalnya, Malaysia sahaja yang mempunyai koperasi di peringkat sekolah dan tidak ada negara lain yang mempunyai koperasi di sekolah.

"Tujuan koperasi diwujudkan di sekolah adalah untuk menengahkan dunia keusahawanan kepada rakyat pada usia muda. Dengan ada-

**Ia merupakan peluang baik bagi membawa suara serta memperkenalkan kelebihan gerakan koperasi di Malaysia ke peringkat global. Misalnya, Malaysia sahaja yang mempunyai koperasi di peringkat sekolah dan tidak ada negara lain yang mempunyai koperasi di sekolah."**

- Abdul Fattah

nya koperasi sebegini di Malaysia, ia menjadi contoh kepada koperasi serata dunia untuk memperkenalkan koperasi sekolah di negara masing-masing pada masa akan datang," ujarnya.

Selain itu, Angkasa akan mempromosikan koperasi pembiayaan mengikut syariah, yang menjadi salah satu bentuk pembiayaan yang kini diintai oleh beberapa badan koperasi dunia.

"Apabila ada pihak bercakap mengenai pembiayaan syariah, Malaysia menjadi negara rujukan kepada beberapa negara lain. Kita akan perluaskan promosi konsep ini," katanya.

Di kesempatan penganjuran ICA KL 2017, Angkasa turut mengambil peluang untuk memperkenalkan beberapa produk tempatan halal.

Ujarnya, beberapa buah negara bukan Islam amat berminat untuk memasarkan produk mereka ke pasaran negara Islam dan oleh itu, mereka ingin mempelajari dengan

lebih lanjut bagaimana untuk menjadikan produk mereka halal, mengikut piawaian antarabangsa.

"Pada konvensyen ini, kita akan mencalonkan Naib Presiden, Datuk Kamarudin Ismail sebagai Ahli Lembaga ICA bagi sesi 2017-2021," katanya.

Selain Malaysia, beberapa negara akan mengemukakan isu yang mempunyai kepentingan masing-masing, dengan beberapa kertas kerja akan dibincangkan.

Setakat ini, 94 negara dengan penyertaan lebih 1,000 perwakilan telah mengesahkan penyertaan mereka dalam ICA KL 2017.

"Kita sedang tunggu pengesahan daripada 11 negara untuk menyertai ICA KL," katanya.

## MACCOPS 2017 serentak ICA KL 2017

Bersempena dengan perhimpunan agung berkenaan, Angkasa turut menganjurkan Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia (Maccops) 2017 di lokasi sama.

Abdul Fattah berkata, Maccops menjadi salah satu platform untuk memperkenalkan beberapa produk tempatan kepada badan koperasi antarabangsa, sekali gus mengintai peluang untuk menembusi pasaran antarabangsa.

"Antara produk yang akan diketengahkan adalah daripada sektor pembangunan perkhidmatan kewangan, inovasi dan teknologi, peruncitan dan pemborongan, pertanian dan industri asas tani dan lain-lain lagi.

"Kesemua produk dan perkhidmatan yang terpilih dalam Maccops mengikut standard dan kualiti antarabangsa. Sebanyak 160 reruai telah disediakan kepada koperasi tempatan, koperasi antarabangsa, syarikat swasta dan agensi kerajaan dan Alhamdulillah, semua reruai ini telah diisi oleh pihak terbabit," katanya.

Dengan penganjuran ICA KL 2017 dan Maccops yang julung diadakan secara serentak, Abdul Fattah berharap ahli koperasi seluruh Malaysia untuk hadir bagi memberi sokongan, dengan menghadirkan diri mereka di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid pada tarikh yang ditetapkan.

Selain ahli koperasi, seluruh rakyat Malaysia dijemput hadir ke Maccops untuk menyaksikan produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh ahli koperasi.

"Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana sentiasa memberikan sokongan kepada Angkasa dan juga penganjuran ICA KL 2017 dan Maccops," katanya.

